

01 NOV 1999

Mahathir-Murad

UMNO TIDAK ARAH ANGGOTA PARTI CERITA FASAL ANWAR: MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kesediaan anggota Umno untuk tampil menceritakan tindak-tanduk Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa menjadi timbalan perdana menteri dan menteri kewangan bukan atas arahan parti.

"Kalau atas arahan parti, lama dah kita arah. Tapi banyak orang nampak (Datuk Abdul) Murad (Khalid) ini berani. Mereka pun jadi berani," katanya ketika ditanya mengenai kesediaan ramai lagi pemimpin dan anggota Umno untuk membuat pendedahan seumpama itu.

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas melawat MIMOS Berhad di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil di sini hari ini.

Murad, bekas penolong gabenor Bank Negara Malaysia, menerusi surat akuan berkanunnya pada 28 Okt lepas mendakwa Anwar mengawal 20 akaun induk berjumlah RM3 bilion untuk digunakan dalam agenda politiknya.

Semalam setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata ramai lagi pemimpin dan anggota Umno akan membuat pendedahan secara sukarela bertujuan mempertahankan kredibiliti Umno dan menyelamatkan orang Melayu daripada ancaman perpecahan.

Dengan memberikan contoh pemilihan parti, Dr Mahathir berkata ketika Anwar menentang Tun Ghafar Baba (untuk jawatan timbalan presiden parti) dahulu, Ghafar ketika itu agak popular terutamanya di Sabah.

"Tiba-tiba hampir tidak ada langsung bahagian Umno di Sabah yang mencalonkan Ghafar. Itu sentiasa jadi misteri kepada saya. Banyak orang kata ini kerana sogokan tapi orang yang menerima tidak menceritakannya kepada orang lain."

Ketika ditanya sama ada ada lagi Menteri Besar yang bersedia tampil untuk membuat pendedahan mengenai Anwar, Dr Mahathir berkata: "Mungkin, tapi saya tak tahu dengan pasti."

Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dilaporkan berkata semalam bahawa kerajaan negeri Johor menunggu masa untuk membuat pendedahan mengenai apa yang dilakukan oleh Anwar di negeri itu, yang tidak diketahui oleh orang ramai.

-- BERNAMA

MAM NMO